


No.	Soalan	Jawapan
	<u>AM</u>	
1.	Apa itu SPPCA ?	SPPCA adalah singkatan bagi Skim Pelabelan Produk Cekap Air . Ia merupakan skim sukarela yang diperkenalkan oleh SPAN untuk mendaftarkan dan melabelkan produk cekap air mengikut garis panduan yang ditetapkan.
2.	Apa itu WEPLS ?	WEPLS adalah singkatan dalam bahasa Inggeris bagi Skim Pelabelan Produk Cekap Air iaitu Water Efficient Labelling Scheme (WEPLS) . Singkatan WEPLS ini akan digunakan sebagai singkatan utama bagi skim ini.
3.	Apa itu produk cekap air?	Produk yang menggunakan jumlah pengeluaran air yang rendah pada tahap yang dibenarkan tanpa mengurangkan keupayaannya untuk melaksanakan fungsinya berdasarkan standard produk.
4.	Apakah objektif utama WEPLS?	Objektif utama WEPLS adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Untuk mempromosi teknologi yang kos efektif dan cekap air. • Untuk menggalakkan gaya hidup hijau dengan penggunaan produk-produk cekap air. • Untuk menggalakkan pembangunan dan pemasaran produk cekap air.

No.	Soalan	Jawapan
		<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menggalakkan amalan penjimatan air di kalangan pengguna. • Untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk-produk cekap air yang sedia ada. • Untuk memaklumkan kepada pengguna penarafan kecekapan produk dan mengambil kira faktor-faktor ini apabila membuat pembelian.
5.	Apakah produk yang disenaraikan di bawah WEPLS?	<p>Terdapat lima (5) jenis produk di bawah WEPLS iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pili air (termasuk pili <i>basin</i>, pili sinki, pili pancuran mandi dan pili wuduk) ii. Tangki tandas dwi simbahan (<i>Dual flush cistern</i>) iii. Urinal iv. Pancuran mandi v. Mesin basuh
6.	Dimanakah senarai pembekal dan produk yang berdaftar dengan WEPLS boleh didapati?	<p>Senarai pembekal dan produk yang berdaftar dengan WEPLS boleh didapati di laman sesawang SPAN di https://www.span.gov.my/article/view/database-online-search</p>

No.	Soalan	Jawapan
7.	Di manakah saya boleh membeli produk cekap air yang mempunyai label WEPLS.	<p>Produk-produk cekap air boleh didapati di kedai-kedai <i>hardware</i>, premis perniagaan komersial, pasaraya dan <i>hypermarket</i> mengikut jenis produk yang dicari. SPAN tidak menetapkan lokasi bagi penjualan produk tersebut.</p> <p>Produk WEPLS akan mempamerkan label WEPLS di badan atau pembungkusan produk tersebut. Senarai produk-produk WEPLS boleh dirujuk di laman sesawang SPAN di https://www.span.gov.my/article/view/database-online-search</p>
<u>PENDAFTARAN WEPLS</u>		
8.	Siapakah yang layak untuk memohon pendaftaran WEPLS?	<p><u>Kelayakan</u></p> <p>Kelayakan permohonan untuk pendaftaran bagi mendapatkan label WEPLS adalah kepada pengilang, pengimport atau pengedar sesuatu pemasangan, peranti atau kelengkapan, termasuk ejen atau wakil yang membekalkan atau mengedarkan pemasangan, peranti atau kelengkapan itu kepada pengguna tetapi tidak termasuk peruncit di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan</p> <p><u>Pra-Kelayakan</u></p> <p>i. Semua produk perlu mematuhi standard bahan dan prestasi bagi tujuan pensijilan seperti yang terkandung di dalam standard produk berkenaan.</p>

No.	Soalan	Jawapan
		ii. Pembekal dan produk mestilah disenaraikan terlebih dahulu di bawah Pendaftaran Pembekal SPAN kecuali bagi mesin basuh
9.	Bagaimanakah cara untuk mendaftarkan produk cekap air di bawah WEPLS?	<p>1. Memuat turun garis panduan Skim Pelabelan Produk Cekap Air. Pautan garis panduan: Online_WEPLSApplicationGuide_v1.docx (span.gov.my)</p> <p>2. Mendaftarkan sebagai pembekal produk secara dalam talian (<i>online</i>) melalui sistem <i>E-Registration</i> (bagi produk pili air, tangki tandas dwi simbahan, <i>urinal</i> dan pancuran mandi)</p> <p>(Pautan sistem Login (span.gov.my))</p>

No.	Soalan	Jawapan
		 <p>The screenshot shows the SPAN website homepage. At the top, there is a navigation bar with the SPAN logo and several menu items. Below the navigation bar, there is a main banner with the text "Soalan Lazim SPAN Pelarasan Tarif Perkhidmatan Pembetulan" and a cartoon character. To the right of the banner, there is a "PENGUMUMAN" section with several news items. Below the banner, there are two columns of services: "Perkhidmatan" and "Video". The "Perkhidmatan" column lists several services, including "E-CLAPS", "E-OP", "KALKULATOR SOC", "E-AJUAN", "E-ERMIT", "E-REGISTRATION", "SMS", "E-PRMBEKAL", "TENDER", and "SEBUTHARGA + RMSDK". The "Video" column features a video player with the title "MUAT TURUN APLIKASI mySPAN SEKARANG! T...". Below the services and video, there is a "Perolehan" section and a "Keratan Akhbar" section with two news articles.</p> <p>3. Mendaftar sebagai pengguna di dalam sistem <i>E-Registration</i> (bagi produk mesin basuh)</p> <p>4. Mendaftarkan produk cepap air (Pautan memuat naik garis panduan pendaftaran produk di bawah WEPLS).</p>

No.	Soalan	Jawapan												
10.	Bagaimanakah pemohon mendapatkan pensijilan produk atau laporan prestasi sebelum pendaftaran WEPLS dapat dilakukan.	Pemohon perlu melaksanakan pensijilan produk dan/atau pengujian prestasi produk berdasarkan standard produk yang diiktiraf SPAN dengan mana-mana badan pensijilan dan/atau badan pengujian yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM). Pemohon boleh merujuk di laman sesawang JSM bagi mendapatkan senarai tersebut https://www.jsm.gov.my/ms/												
11.	Berapa lama tempoh masa yang diambil oleh SPAN untuk memproses permohonan WEPLS.	Permohonan mengambil masa selama 21 hari bekerja selepas penerimaan permohonan tersebut.												
12.	Berapakah bayaran yang dikenakan untuk setiap permohonan.	<p>Kadar bayaran bagi setiap permohonan WEPLS adalah sebagaimana jadual berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1003 981 2018 1331"> <thead> <tr> <th data-bbox="1003 981 1099 1054"></th> <th data-bbox="1099 981 1608 1054">Bilangan Model</th> <th data-bbox="1608 981 2018 1054">RM/Model</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1003 1054 1099 1145">i.</td> <td data-bbox="1099 1054 1608 1145">50 Model yang pertama</td> <td data-bbox="1608 1054 2018 1145">RM 50/model</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1003 1145 1099 1236">ii.</td> <td data-bbox="1099 1145 1608 1236">Model yang ke-51 hingga Model ke-100</td> <td data-bbox="1608 1145 2018 1236">RM 30/model</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1003 1236 1099 1331">iii.</td> <td data-bbox="1099 1236 1608 1331">Model yang ke 101 dan ke atas</td> <td data-bbox="1608 1236 2018 1331">RM 20/model</td> </tr> </tbody> </table>		Bilangan Model	RM/Model	i.	50 Model yang pertama	RM 50/model	ii.	Model yang ke-51 hingga Model ke-100	RM 30/model	iii.	Model yang ke 101 dan ke atas	RM 20/model
	Bilangan Model	RM/Model												
i.	50 Model yang pertama	RM 50/model												
ii.	Model yang ke-51 hingga Model ke-100	RM 30/model												
iii.	Model yang ke 101 dan ke atas	RM 20/model												

No.	Soalan	Jawapan						
		<p>Nota: Bayaran bagi semua pendaftaran WEPLS dikecualikan selama tiga (3) tahun bermula daripada 1 Jun 2021 hingga 31 Mei 2024.</p>						
13.	Bagaimanakah penarafan bintang di bawah WEPLS dinilai?	<p>Produk cekap air di nilai mengikut tahap penggunaan air berdasarkan kepada tiga (3) sistem penarafan bintang seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ★ Satu bintang menunjukkan bahawa produk adalah <u>cekap air</u> ★★ Dua bintang menunjukkan bahawa produk <u>sangat cekap air</u> ★★★ Tiga bintang menunjukkan produk <u>paling cekap air</u> <p>Penilaian kecekapan air bagi setiap produk ditentukan mengikut kepada penggunaan air seperti berikut:</p> <p>Jadual 1: Pili Basin & Pencampur</p> <table border="1" data-bbox="943 1129 1624 1342"> <thead> <tr> <th data-bbox="943 1129 1176 1262">Penggunaan Air (liter/minit)</th> <th data-bbox="1176 1129 1413 1262">Kadar Kecekapan Air</th> <th data-bbox="1413 1129 1624 1262">Penarafan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="943 1262 1176 1342">6.0 < f ≤ 8.0</td> <td data-bbox="1176 1262 1413 1342">Cekap</td> <td data-bbox="1413 1262 1624 1342">★</td> </tr> </tbody> </table>	Penggunaan Air (liter/minit)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan	6.0 < f ≤ 8.0	Cekap	★
Penggunaan Air (liter/minit)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan						
6.0 < f ≤ 8.0	Cekap	★						

No.	Soalan	Jawapan		
		4.0 < f ≤ 6.0	Sangat Cepak	★★
		1.5 < f ≤ 4.0	Paling Cepak	★★★★
		Jadual 2: Pili Sinki & Pencampur		
		Penggunaan Air (liter/minit)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan
		6.0 < f ≤ 8.0	Cepak	★
		4.0 < f ≤ 6.0	Sangat Cepak	★★
		2.5 < f ≤ 4.0	Paling Cepak	★★★★
		Jadual 3: Pili Pancuran Mandi & Pencampur		
		Penggunaan Air (liter/minit)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan
		8.0 < f ≤ 10.0	Cepak	★
		6.0 < f ≤ 8.0	Sangat Cepak	★★

No.	Soalan	Jawapan														
		4.5 < f ≤ 6.0	Paling Cekap	★★★												
Jadual 4: Pili Wuduk & Pencampur																
<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="943 533 1176 667">Penggunaan Air (liter/minat)</th> <th data-bbox="1176 533 1413 667">Kadar Kecekapan Air</th> <th data-bbox="1413 533 1621 667">Penarafan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="943 667 1176 748">6.0 < f ≤ 8.0</td> <td data-bbox="1176 667 1413 748">Cekap</td> <td data-bbox="1413 667 1621 748">★</td> </tr> <tr> <td data-bbox="943 748 1176 829">4.0 < f ≤ 6.0</td> <td data-bbox="1176 748 1413 829">Sangat Cekap</td> <td data-bbox="1413 748 1621 829">★★</td> </tr> <tr> <td data-bbox="943 829 1176 911">1.5 < f ≤ 4.0</td> <td data-bbox="1176 829 1413 911">Paling Cekap</td> <td data-bbox="1413 829 1621 911">★★★</td> </tr> </tbody> </table>					Penggunaan Air (liter/minat)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan	6.0 < f ≤ 8.0	Cekap	★	4.0 < f ≤ 6.0	Sangat Cekap	★★	1.5 < f ≤ 4.0	Paling Cekap	★★★
Penggunaan Air (liter/minat)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan														
6.0 < f ≤ 8.0	Cekap	★														
4.0 < f ≤ 6.0	Sangat Cekap	★★														
1.5 < f ≤ 4.0	Paling Cekap	★★★														
Jadual 5: Tangki Tandas Dwi (2) Simbahan																
<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="943 1070 1216 1204">Penggunaan Air (liter/simbahan)</th> <th data-bbox="1216 1070 1464 1204">Kadar Kecekapan Air</th> <th data-bbox="1464 1070 1655 1204">Penarafan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="943 1204 1216 1286">Full Flush ≤ 6.0 Reduced ≤ 3.0</td> <td data-bbox="1216 1204 1464 1286">Cekap</td> <td data-bbox="1464 1204 1655 1286">★</td> </tr> <tr> <td data-bbox="943 1286 1216 1361">Full Flush ≤ 5.0 Reduced ≤ 3.0</td> <td data-bbox="1216 1286 1464 1361">Sangat Cekap</td> <td data-bbox="1464 1286 1655 1361">★★</td> </tr> </tbody> </table>					Penggunaan Air (liter/simbahan)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan	Full Flush ≤ 6.0 Reduced ≤ 3.0	Cekap	★	Full Flush ≤ 5.0 Reduced ≤ 3.0	Sangat Cekap	★★			
Penggunaan Air (liter/simbahan)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan														
Full Flush ≤ 6.0 Reduced ≤ 3.0	Cekap	★														
Full Flush ≤ 5.0 Reduced ≤ 3.0	Sangat Cekap	★★														

No.	Soalan	Jawapan														
		Full Flush ≤ 4.0 Reduced ≤ 3.0	Paling Cepak	★★★												
		<p>Jadual 6: Urinal</p> <table border="1" data-bbox="943 528 1657 906"> <thead> <tr> <th data-bbox="943 528 1216 667">Penggunaan Air (liter/simbahan)</th> <th data-bbox="1216 528 1467 667">Kadar Kecekapan Air</th> <th data-bbox="1467 528 1657 667">Pendarafan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="943 667 1216 746">1.5 < fv \leq 2.5</td> <td data-bbox="1216 667 1467 746">Cepak</td> <td data-bbox="1467 667 1657 746">★</td> </tr> <tr> <td data-bbox="943 746 1216 826">1.0 < fv \leq 1.5</td> <td data-bbox="1216 746 1467 826">Sangat Cepak</td> <td data-bbox="1467 746 1657 826">★★</td> </tr> <tr> <td data-bbox="943 826 1216 906">fv \leq 1.0</td> <td data-bbox="1216 826 1467 906">Paling Cepak</td> <td data-bbox="1467 826 1657 906">★★★</td> </tr> </tbody> </table>			Penggunaan Air (liter/simbahan)	Kadar Kecekapan Air	Pendarafan	1.5 < fv \leq 2.5	Cepak	★	1.0 < fv \leq 1.5	Sangat Cepak	★★	fv \leq 1.0	Paling Cepak	★★★
Penggunaan Air (liter/simbahan)	Kadar Kecekapan Air	Pendarafan														
1.5 < fv \leq 2.5	Cepak	★														
1.0 < fv \leq 1.5	Sangat Cepak	★★														
fv \leq 1.0	Paling Cepak	★★★														
		<p>Jadual 7: Pancuran Mandi</p> <table border="1" data-bbox="943 1061 1624 1356"> <thead> <tr> <th data-bbox="943 1061 1176 1200">Penggunaan Air (liter/minit)</th> <th data-bbox="1176 1061 1411 1200">Kadar Kecekapan Air</th> <th data-bbox="1411 1061 1624 1200">Pendarafan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="943 1200 1176 1279">8.0 < f \leq 10.0</td> <td data-bbox="1176 1200 1411 1279">Cepak</td> <td data-bbox="1411 1200 1624 1279">★</td> </tr> <tr> <td data-bbox="943 1279 1176 1356">6.0 < f \leq 8.0</td> <td data-bbox="1176 1279 1411 1356">Sangat Cepak</td> <td data-bbox="1411 1279 1624 1356">★★</td> </tr> </tbody> </table>			Penggunaan Air (liter/minit)	Kadar Kecekapan Air	Pendarafan	8.0 < f \leq 10.0	Cepak	★	6.0 < f \leq 8.0	Sangat Cepak	★★			
Penggunaan Air (liter/minit)	Kadar Kecekapan Air	Pendarafan														
8.0 < f \leq 10.0	Cepak	★														
6.0 < f \leq 8.0	Sangat Cepak	★★														

No.	Soalan	Jawapan														
		4.5 < f ≤ 6.0	Paling Cepak	★★★												
Jadual 8: Mesin Basuh																
<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="943 536 1176 667">Penggunaan Air (liter/kg)</th> <th data-bbox="1176 536 1406 667">Kadar Kecekapan Air</th> <th data-bbox="1406 536 1608 667">Penarafan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="943 667 1176 748">12 < v ≤ 15</td> <td data-bbox="1176 667 1406 748">Cepak</td> <td data-bbox="1406 667 1608 748">★</td> </tr> <tr> <td data-bbox="943 748 1176 828">9 < v ≤ 12</td> <td data-bbox="1176 748 1406 828">Sangat Cepak</td> <td data-bbox="1406 748 1608 828">★★</td> </tr> <tr> <td data-bbox="943 828 1176 906">v ≤ 9</td> <td data-bbox="1176 828 1406 906">Paling Cepak</td> <td data-bbox="1406 828 1608 906">★★★</td> </tr> </tbody> </table>					Penggunaan Air (liter/kg)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan	12 < v ≤ 15	Cepak	★	9 < v ≤ 12	Sangat Cepak	★★	v ≤ 9	Paling Cepak	★★★
Penggunaan Air (liter/kg)	Kadar Kecekapan Air	Penarafan														
12 < v ≤ 15	Cepak	★														
9 < v ≤ 12	Sangat Cepak	★★														
v ≤ 9	Paling Cepak	★★★														
<u>LABEL WEPLS</u>																
14.	Apakah label WEPLS	<p>Label WEPLS adalah untuk memaklumkan pengguna tentang penarafan kecekapan air produk dan pengguna akan dapat mengambil kira faktor ini semasa membuat keputusan pembelian mereka.</p> <p>Saiz bagi versi penuh adalah 15.5cm x 9.5cm yang diletakkan pada paket produk dan sebagainya.</p>														

No.	Soalan	Jawapan
		<p>Saiz bagi versi dipermudahkan adalah 10cm x 6cm dan 5cm x 2.5cm yang diletakkan atau digantung pada produk tersebut.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p>Versi Penuh Size 15.5 cm x 9.5 cm</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Versi Dipermudahkan 10.0 cm X 6.0 cm</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Versi Dipermudahkan 5.0 cm X 2.5 cm</p> </div> </div>
15.	Siapakah yang perlu mendapatkan label WEPLS ini.	<p><u>Kelayakan</u></p> <p>Kelayakan permohonan untuk pendaftaran bagi mendapatkan label WEPLS adalah kepada pengilang, pengimport atau pengedar sesuatu pemasangan, peranti atau kelengkapan, termasuk ejen atau wakil yang membekalkan atau mengedarkan pemasangan, peranti atau kelengkapan itu kepada pengguna tetapi tidak termasuk peruncit di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.</p>

No.	Soalan	Jawapan
		<p><u>Pra-Kelayakan</u></p> <p>i. Semua produk perlu mematuhi standard bahan dan prestasi bagi tujuan pensijilan seperti yang terkandung di dalam standard produk berkenaan.</p> <p>Pembekal dan produk mestilah disenaraikan terlebih dahulu di bawah Pendaftaran Pembekal SPAN kecuali bagi mesin basuh.</p>
16.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan label WEPLS?	<p>Pemohon yang mendaftarkan produk cekap air di bawah WEPLS boleh mendapatkan label yang dijana secara automatik daripada sistem <i>E-Registration</i> sejourus permohonan WEPLS diluluskan.</p> <p>Nota:</p> <p>Rujuk kepada maklumat di bawah:</p> <p>1. Memuat turun garis panduan Skim Pelabelan Produk Cekap Air</p> <p>Pautan garis panduan: Online WEPLSApplicationGuide v1.docx (span.gov.my)</p>

No.	Soalan	Jawapan
		<p>2. Mendaftarkan sebagai pembekal produk secara dalam talian (<i>online</i>) melalui sistem <i>E-Registration</i> (bagi produk pili air, tangki tandas dwi simbah, <i>urinal</i> dan pancuran mandi)</p> <p>(Pautan sistem Login (span.gov.my))</p>
17.	<p>Apakah maklumat yang dipaparkan pada label WEPLS tersebut.</p>	<p>Label WEPLS mempunyai maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah bintang yang menunjukkan kadar cekap air. • No. pendaftaran produk WEPLS. • Maklumat produk seperti jenama, model dan jumlah penggunaan air
18.	<p>Adakah pembeli produk cekap air perlu berdaftar dengan SPAN untuk mendapatkan label WEPLS.</p>	<p>Pembeli tidak perlu berdaftar dengan SPAN untuk mendapatkan label WEPLS. Kelayakan permohonan untuk mendapatkan label WEPLS adalah kepada pengilang, pengimport atau pengedar sesuatu pemasangan, peranti atau kelengkapan, termasuk ejen atau wakil yang membekalkan atau mengedarkan pemasangan, peranti atau kelengkapan itu kepada pengguna tetapi tidak termasuk peruncit di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan</p>

No.	Soalan	Jawapan
	<u>SISTEM e-Registration</u>	
19.	Apakah sistem e-Registration	Ia adalah aplikasi pendaftaran dalam talian melalui Internet. Ini untuk memudahkan pembekal membuat pendaftaran atau memperbaharui pendaftaran secara dalam talian melalui www.span.gov.my / https://eregistration.span.gov.my/product_internet/login.aspx
20.	Bagaimanakah cara untuk <i>reset password</i> bagi sistem e-registration?	Pembekal perlu memaklumkan e-mel yang terkini (sekiranya terdapat perubahan daripada dalam sistem) kepada pegawai SPAN melalui e-mel product@span.gov.my / wepls@span.gov.my , kami akan <i>reset</i> semula dan password baharu akan dihantar kepada e-mel pembekal tersebut.
21.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saiz dokumen terlalu besar dan tidak dapat dimuat naik di dalam sistem?	Pihak pembekal perlu scan dokumen secara berasingan dan masukkan di dalam ruangan <i>others</i> . Saiz setiap dokumen hendaklah tidak melebihi 3MB.
22.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya sistem menunjukkan perkataan <i>ERROR</i> dan tidak boleh meneruskan proses pendaftaran?	Kesalahan format adalah salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya ERROR dan butang Next tidak boleh ditekan. Perlu semak maklumat seperti format bagi no telefon, nama dan lain-lain perkara di dalam borang pendaftaran tersebut dengan memastikan format adalah betul.

No.	Soalan	Jawapan
23.	Bagaimanakah cara membuat sebarang pertanyaan berkenaan WEPLS?	<p>Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah disalurkan ke alamat berikut:</p> <p>Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Audit Industri Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Aras Bawah, Prima Avenue 8 Jalan Teknokrat 6, Cyberjaya, Selangor. Telefon: 03-83179333/334; Fak: 03-83179469 Email: WEPLS@span.gov.my</p>